

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : ISU

Transformasi sektor kesihatan dikagumi

Persidangan Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2017 berlangsung di Davos, Switzerland pada 17 hingga 20 Januari lalu. WEF adalah satu-satunya pentas antarabangsa yang dihadiri ramai pemimpin politik, peneraju industri, ahli akademik, aktivis sosial, seniman popular dan pemimpin muda yang terbabit dalam usaha transformasi dunia.

Hampir 30 ketua kerajaan, termasuk Presiden China dan Perdana Menteri negara Eropah menghadiri WEF 2017. Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan beberapa peneraju industri serta sektor perbankan.

Hampir 3,000 perwakilan seluruh dunia hadir untuk berkongsi pendapat dan pengalaman masing-masing dalam usaha mencertuskan transformasi. Jemputan kepada menteri dan waldi korporat negara dilihat sebagai satu penghargaan dan pengiktirafan kepada negara.


WEF terutamanya mengagumi inisiatif Kementerian Kesihatan yang diterajui Dr Subramaniam dalam meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti di Malaysia, berbandaran pendekatan Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS).

Berkongsi pandangan
 Subramaniam dijemput untuk berkongsi pandangan dan pengalaman beliau dalam kalangan pemimpin utama beberapa sektor mengenai perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia melalui inisiatif dan kaedah inovatif, kreatif dan transformatif berteraskan NBOS.

NBOS diilhamkan oleh Profesor W Chan Kim dan Profesor Renee Mauborgne, menarik perhatian peneraju pelbagai industri malah ketua kerajaan dalam mentransformasi cara pemikiran dan kaedah penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat berteraskan NBOS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang tertarik dengan NBOS menggesa supaya agensi kerajaan menerap dan mengamalkan strategi itu dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti, nilai tinggi dengan kos rendah atau mampu untuk rakyat.

Kini, hampir 80 kementerian dan agensi bekerjasama dalam merangka dan melaksanakan inisiatif NBOS yang kreatif dan ber-



[FOTO SALHANI IBRAHIM / BH]

Mesin Angio-CT Hibrid di Jabatan Pengimejan Diagnostik di Unit Angiografi, Hospital Selayang antara inisiatif Kementerian Kesihatan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

sifat transformatif kepada negara.

Akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan kos rendah dijangka menjamin keadilan sosial, malah pembangunan sosial dan ekonomi.

Jaringan kerjasama bersinergi yang diwujudkan dalam pelbagai sektor pula diharapkan akan meningkatkan lagi hasil dan impak penyampaian perkhidmatan dalam usaha mensejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sudah bekerjasama dengan lain-lain kementerian dalam melaksanakan pelbagai inisiatif baru berteraskan komuniti, antaranya inisiatif yang menarik perhatian dunia adalah program 'Komuniti Sihat, Perkasa Negara' (KOSPEN), satu inisiatif memperkasakan komuniti, ke arah meningkatkan keleluatan negara, sekali gus menerapkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan rakyat.

KOSPEN adalah satu inisiatif permerkasaan komuniti dalam mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Menurut laporan media, lebih 5,900 lokalkiti KOSPEN dibentuk, 35,000 sukarelawan dilatih dan 380,000 dewasa disarung.

Malah, inisiatif ini adalah satu-satunya inisiatif bersifat revolusi yang kali pertama diperkenalkan di dunia dalam sektor penjagaan kesihatan.

Dengan ini, rakyat Malaysia berpeluang menikmati gaya hidup sihat di tempat kerja, berpeluang menerima maklumat terkini mengenai kesihatan supaya mencertuskan perubahan dalam tingkah laku rakyat ke arah menilmati gaya hidup sihat.

Tarik perhatian pihak luar
 Inisiatif Kementerian Kesihatan dalam memastikan rakyat mampu mengakses kemudahan penjagaan kesihatan berkualiti, selamat, perubatan yang berkesan melalui penambahan baik sistem peraturan dan perolehan perubatan secara adil serta telus, mendapat sambutan rakyat Malaysia malah menarik perhatian pihak luar.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan adalah program Kesihatan Untuk Malaysia (HFM).

Ia adalah program kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan melalui aktiviti pemeriksaan kesihatan secara percuma

khusus kepada masyarakat luar bandar.

Selain pegawai perubatan berdaftar, pembabitan pelajar perubatan pergigian dan sains kesihatan dari universiti berserta pensyarah sebagai mentor digunakan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Usaha kerjasama universiti dan Kementerian Kesihatan iaitu satu usaha dan sinergi, dalam memberi sumbangan bakti kepada masyarakat luar bandar dalam menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan kepada masyarakat kurang mampu di bandar dan di luar bandar dijangka mempertingkatkan kemahiran soft skill pelajar.

Malah membantu mencapai sepenuhnya potensi rakyat dalam kesihatan, menghargai kesihatan sebagai aset yang paling berharga dan mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka.

Usaha seperti ini meletakkan Malaysia, antara negara teratas dalam ranking menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dunia.

Komentar



Datuk M Periasamy
 Pensyarah Komunikasi Strategik, Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak (IPPTAR)